



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 8/2023

PINDAAN PANDUAN KEHADIRAN KE KELAS DAN PANDUAN PENTAKSIRAN AKHIR SEMESTER DALAM BUKU PERATURAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA (SEPENUH MASA)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan Bil.8/2023 (Kali Ke-156) yang telah bersidang pada 4 Disember 2023 (Isnin) telah bersetuju meluluskan pindaan panduan kehadiran ke kelas dan pindaan panduan pentaksiran akhir semester dalam Buku Peraturan Akademik Universiti Malaysia Kelantan.

3. Pindaan yang telah dipersetujui adalah sebagaimana berikut:

3.1 Pindaan Panduan Kehadiran ke Kelas Pembelajaran:

- i) Menggugurkan panduan kehadiran ke kelas pembelajaran di Lampiran I dalam Buku Peraturan Akademik UMK.
- ii) Mengekalkan perkara 4.2.2.10 dalam peraturan akademik dengan pindaan pada ayat seperti berikut:

Peraturan Asal	Peraturan Baharu
4.2.2.10 Pelajar wajib mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus yang didaftarkan dan memenuhi kursus seperti di Lampiran I	4.2.2.10 Pelajar dinasihatkan mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus yang didaftarkan dan memenuhi hasil pembelajaran kursus.

- iii) Pelajar yang tidak dapat hadir ke kuliah masih perlu memaklumkan kepada pensyarah dan pelajar perlu *add reason* serta memuat naik dokumen/ bukti ketidakhadiran mereka ke kelas.
- iv) Rekod kehadiran masih perlu ditanda sebagai bukti pelajar menghadiri kelas dan ianya diperlukan oleh pelajar antarabangsa bagi memperbaharui visa mereka.
- v) Menggugurkan gred XH di perkara 6.1.2 dalam Buku Peraturan Akademik.

3. 2 Pindaan di Panduan Pentaksiran Akhir Semester:

- i) Mengekalkan perkara 6.2.4 dalam peraturan akademik.
- ii) Mengekalkan Lampiran II dengan perubahan syarat 1.1 dan 1.2 digugurkan seperti berikut:

Peraturan Asal	Peraturan Baharu
1.1 Pelajar hendaklah menduduki Pentaksiran Akhir semester bagi setiap kursus yang didaftar dalam semester berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Fakulti/ Universiti, kecuali jika dihalang berbuat demikian.	Digugurkan
1.2 Pelajar dibenarkan menduduki Pentaksiran Akhir dengan syarat memenuhi kehadiran ke kuliah, tutorial, makmal, studio dan lain-lain bentuk kelas/ sesi pembelajaran yang ditetapkan oleh kursus berkenaan sekurang-kurangnya 80%. Kehadiran maksimum 20% tidak termasuk cuti sakit (perlu kemukakan sijil sakit yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar) dan kecemasan (dengan pengesahan/kelulusan) dan aktiviti pelajar yang diluluskan.	Digugurkan


- iii) Menggugurkan gred XP di perkara 6.1.2 dalam Buku Peraturan Akademik

4. Peraturan ini akan berkuat kuasa bermula pada Semester September Sesi 2023/2024. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

17 DISEMBER 2023

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Pendaftar
 - Semua Dekan Fakulti